

10 MAY 1997

PELABURAN DI NEGARA ASING PERLU BERWASPADA

IPOH, 10 Mei (Bernama) -- Kerajaan mengingatkan pelabur tempatan yang berhasrat melabur dalam bidang perladangan di beberapa negara asing agar berhati-hati berikutan perlaksanaan beberapa peraturan yang ditetapkan negara berkenaan.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, terdapat beberapa peraturan yang ditetapkan di Indonesia, Brazil dan Afrika Barat yang bercanggah dengan persetujuan asal mereka ketika pelabur tempatan mula memasuki pelaburan di negara terbabit.

Ramai pelabur tempatan berminat menceburi bidang perladangan terutama kelapa sawit dan perhutanan di negara berkenaan memandangkan potensi serta kesesuaiannya dengan tanaman itu, katanya kepada pemberita selepas upacara pecah tanah tapak bangunan serbaguna Sekolah Menengah Yuk Choy di sini hari ini.

Katanya, kerajaan Indonesia telah mengeluarkan peraturan menghentikan kemasukan pelabur negara ini dalam sektor perladangan kelapa sawit di negara itu dengan alasan pembabitan pelabur Malaysia telah mencapai 1.5 juta hektar tanah yang diusahakan dengan tanaman itu.

Pelabur tempatan yang ingin menerokai sektor penanaman kelapa sawit di negara berkenaan juga perlu melalui 13 peraturan yang ditetapkan termasuk mendapatkan kebenaran daripada pemerintah dan gabenor wilayah, katanya.

Sehubungan itu, Lim meminta pelabur tempatan yang menghadapi masalah berikutan perlaksanaan peraturan berkenaan menghubungi pegawai di kementerianya atau Kedutaan Malaysia di Indonesia bagi membolehkannya membuat penjelasan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya pelaburan Malaysia di negara jiran dalam sektor itu kini bernilai beratus juta ringgit.

Beliau juga mahu pelabur sektor perladangan dan perhutanan mendapatkan maklumat dan mengetahui peraturan di negara itu sebelum membuat sebarang pelaburan.

Dr Lim berkata masalah yang sama turut dihadapi pelabur sektor perusahaan utama di Afrika Barat dan Amerika Selatan.

Katanya pelbagai peraturan ditetapkan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Perhutanan Brazil kepada pelabur Malaysia termasuk menghalang penerokaan hutan dan penebangan pokok.

Peluang pelaburan di Afrika Barat meliputi Gabon dan Cameroon juga terbuka luas kepada pelabur sektor itu terutamanya kelapa sawit.

Namun kebanyakan peluang berkenaan dikawal oleh syarikat-syarikat dari Perancis yang menguasai pelaburan di negara-negara berkenaan terutamanya Gabon, katanya.

Kerajaan, katanya, tidak berhasrat melarang pelabur tempatan memasuki negara berkenaan tetapi mereka perlu bersedia, termasuk dari segi perundangan dengan menyediakan peguam yang berkemampuan, katanya.

Beliau mendapati kebanyakan syarikat Malaysia yang melabur di luar negara bersaing sesama sendiri dan beliau berharap syarikat berkenaan menubuhkan konsortium bagi memudahkan urusan pelaburan serta sebagai persediaan bagi menghadapi peraturan-peraturan baru yang mungkin ditetapkan negara berkenaan. -- BERNAMA

RZS MA